

# NC rai 50 petugas AUG'08

Seramai 50 staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang merupakan petugas-petugas *Asean University Games '08* (AUG'08) telah diraikan oleh Naib Canselor, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dalam satu Majlis Makan Tengah Hari Para Petugas AUG '08 bersama pada 4 Februari 2009 di Bilik Latihan, Kompleks Pentadbiran Utama.

Dalam ucapan penghargaannya, beliau merakamkan ucapan terima kasih kepada semua staf UMP yang telah bertungkus-lumus membantu menjayakan AUG'08 yang telah berlangsung dari 11 hingga 21 Disember 2008 yang lalu di Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil, Kuala Lumpur.

"Saya berasa amat bangga dan berterima kasih di atas segala usaha, masa dan tenaga yang telah diberikan oleh staf UMP dalam menjayakan majlis bertaraf antarabangsa anjuran Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia ini.

"Mereka telah menaikkan imej dan nama baik universiti bukan sahaja di peringkat negara malah antarabangsa.

"Saya berharap agar segala ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi semasa menguruskan AUG 2008 bukan sahaja dapat memajukan diri mereka yang terlibat tetapi juga dapat dimanfaatkan untuk menaikkan imej UMP," katanya.

*"Mereka telah menaikkan imej dan nama baik universiti bukan sahaja di peringkat negara malah antarabangsa.*

Di samping itu juga, beliau turut merakamkan rasa bangganya terhadap penglibatan warga UMP terutamanya Pegawai Kebudayaan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA), Mohd Zaki Ahmad yang telah mencipta lagu tema kejohanan "Menggapai Bintang" di mana liriknya ditulis oleh Ahmad Fedtri Yahya dari TV3.

Selain itu, UMP juga terlibat dalam beberapa Jawatankuasa termasuk Jawatankuasa Logo/Maskot/Lagu, Jawatankuasa Pengangkutan, Jawatankuasa Sambutan & Protokol, Jawatankuasa Teknikal Boling dan pasukan sorak UMP.

Beliau berharap agar pengalaman yang ditimba sepanjang kejohanan ini dapat dijadikan panduan dan diaplikasikan dalam pengurusan majlis-majlis rasmi UMP yang bertaraf antarabangsa pada masa akan datang di samping terus menabur khidmat bakti bukan sahaja kepada universiti tetapi juga kepada negara apabila diperlukan kelak.

